



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. **2 (92)**
Tarikh : **30** Disember 2020

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2020

KENAIKAN KADAR BANTUAN GERAN PER KAPITA BAGI MATA PELAJARAN FIZIK, KIMIA, BIOLOGI DAN SAINS TAMBAHAN MULAI TAHUN 2021

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Kenaikan Kadar Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Bagi Mata Pelajaran Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan Mulai Tahun 2021.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi melahirkan murid berliterasi STEM melalui pembelajaran bersepadu yang mengaplikasikan konteks dunia sebenar dan pendekatan *hands-on* serta penerokaan terbuka. Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus Kadar Bukan Penjawat Awam yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPM bertarikh 27 Oktober 2020 telah bersetuju meluluskan permohonan kenaikan Kadar Bantuan Geran Per Kapita (PCG) bagi empat (4) mata pelajaran STEM iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan daripada RM14.00 kepada RM65.00 untuk setiap mata pelajaran tersebut mulai tahun 2021.

3. Kenaikan kadar PCG bagi mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan ini adalah bertujuan untuk memastikan amali sains dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan seperti dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Selain itu, kenaikan kadar ini menyokong pelaksanaan Ujian Amali Sains dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021.

4. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan;
- i. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012: Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid bertarikh 20 Disember 2012.
 - ii. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017 bertarikh 2 November 2016; dan
 - iii. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2020: Pelaksanaan Ujian Amali Sains Bagi Mata Pelajaran Fizik, Kimia, Biologi Dan Sains Tambahan Mulai Tahun 2021 bertarikh 20 November 2020.
5. Surat siaran ini **berkuat kuasa** serta merta mulai pada tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
6. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia